



**KENYATAAN MEDIA
YB MENTERI KERAJAAN TEMPATAN DAN PERUMAHAN
DAN
MENTERI KEWANGAN II
NEGERI SABAH**

22 JUN 2021


A LAPORAN HARIAN KES JANGKITAN COVID-19

- 1 Berdasarkan laporan Jabatan Kesihatan Negeri Sabah, jumlah kes positif baharu COVID-19 pada hari ini adalah sebanyak **193 kes**, menjadikan jumlah kumulatif sebanyak **67,900 kes**. Tiga (3) kes kematian direkodkan hari ini iaitu dua (2) kes di daerah Tawau dan satu (1) kes lagi di daerah Sandakan. Takziah diucapkan kepada keluarga terlibat.

- 2 Jumlah pesakit COVID-19 discaj dari hospital / sembah 319 menjadikan jumlah kumulatif 65,557 orang. Seramai 1,473 pesakit sedang menerima rawatan iaitu 451 orang di hospital, 1,020 orang di Pusat Kuarantin dan Rawatan Berisiko Rendah (PKRC) Awam manakala dua (2) orang di Pusat Tahanan Sementara (PTS) / Penjara. Bilangan pesakit dalam ICU pula ialah 69 orang dan 20 orang lagi memerlukan alat bantuan pernafasan (*ventilated*).

3

Kes-kes jangkitan COVID-19 pada hari ini mengikut daerah adalah seperti berikut:



Daerah Kota Marudu bertukar dari zon kuning ke zon jingga

4

Pecahan daerah mengikut zon:

- Zon Merah 18 daerah
- Zon Jingga tiga (3) daerah
- Zon Kuning lima (5) daerah
- Zon Hijau satu (1) daerah

- i Pada hari ini, jumlah kes positif COVID-19 di Sabah mencatatkan peningkatan 27 kes iaitu daripada 166 kes semalam (21 Jun 2021) kepada 193 kes (22 Jun 2021).
- ii Daripada 193 kes jangkitan baharu hari ini, 84 kes adalah hasil daripada saringan kontak rapat, 48 kes adalah daripada saringan kluster, 17 kes adalah daripada saringan bergejala, 32 kes daripada saringan bersasar dan 12 kes adalah daripada lain-lain kes.
- iii 10 daerah mencatatkan peningkatan kes hari ini dengan enam (6) daerah mencatatkan peningkatan kes pada julat satu (1) angka, manakala empat (4) lagi daerah lain mencatatkan peningkatan kes pada julat dua (2) angka iaitu Kudat 31 kes (+21), Putatan 19 kes (+19), Beaufort 20 kes (+14) dan Kota Belud 19 kes (+12).
- iv Walau bagaimanapun, 10 daerah di Negeri Sabah mencatatkan penurunan kes. Lapan (8) daerah mencapai penurunan kes dengan julat satu (1) angka, manakala dua (2) daerah lagi menunjukkan penurunan pada julat dua (2) angka iaitu Kota Kinabalu (-19) dan Sandakan (-14).
- v Pada hari ini, 11 daerah mencatatkan sifar (0) kes iaitu Beluran, Kinabatangan, Kalabakan, Tongod, Pitas, Ranau, Kuala Penyu, Sipitang, Tenom, Nabawan dan Tambunan.
- vi Ringkasan data keseluruhan pada hari ini ialah 10 daerah mencatatkan kenaikan kes, 10 daerah mencatatkan penurunan kes, tujuh (7) daerah kekal sebagaimana catatan hari semalam (termasuk daerah dengan catatan sifar (0) kes), 11 daerah mencatatkan sifar (0) kes, satu (1) daerah kekal sebagai Zon Hijau (Beluran), dan lima (5) kluster merekodkan catatan kes yang agak aktif iaitu Kluster Kampung Bolong Baru 15 kes, Kluster Ocean Blue sembilan (9) kes, Kluster Taman Wawasan lapan (8) kes, Kluster Lot 9 lima (5) kes serta Kluster Serudung Baru lima (5) kes.

- vii Dengan jumlah catatan sebanyak 84 kes daripada Saringan Kontak Rapat, perubahan angka yang tidak statik serta hanya satu (1) daerah Zon Hijau, dapat disimpulkan terdapat kebarangkalian tinggi bahawa masih berlakunya aktiviti ketidakpatuhan SOP yang telah digariskan sungguhpun pelbagai seruan dan saranan telah dilakukan oleh pihak Kerajaan.
- viii Orang ramai digesa untuk kekal berada di rumah dan bagi mereka yang bekerja, hadkan pergerakan kerana kebergantungan penurunan kes atau jangkitan baharu adalah sangat dipengaruhi oleh sejauh mana komuniti mematuhi SOP Kendiri dan SOP yang telah ditetapkan oleh Kerajaan Negeri.

6 Tiada **kluster baharu** direkodkan hari ini.

7 Jumlah kapasiti katil 4,208 unit

- Hospital 722 unit.
- Pusat Kuarantin dan Rawatan Berisiko Rendah (PKRC) Awam 3,066 unit.
- Pusat Tahanan Sementara (PTS) / Penjara 420 unit.

Jumlah peratusan penggunaan katil ialah 35.0%.

B KEBENARAN OPERASI RENTAS DAERAH BAGI PERKHIDMATAN E-HAILING, TEKSI BERDAFTAR DENGAN E-HAILING DAN PERKHIDMATAN PENGHANTARAN MAKANAN

- 1 Kerajaan Negeri melalui Jawatankuasa Pengurusan Bencana Negeri COVID-19 memutuskan untuk membenarkan rentas daerah meliputi Kota Kinabalu, Putatan dan Penampang kepada perkhidmatan *e-hailing*, teksi yang berdaftar dengan *e-hailing* dan perkhidmatan penghantaran makanan berkuatkuasa 23 Jun 2021, tanpa surat kebenaran rentas daerah daripada Polis.
- 2 Kebenaran ini diberikan kepada pemandu *e-hailing* dan teksi yang berdaftar dengan *e-hailing* mengikut prosedur operasi standard (SOP) yang ditetapkan Majlis Keselamatan Negara (MKN) sepanjang tempoh pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) 3.0 bagi memenuhi keperluan masyarakat.

- 3 Masa operasi yang dibenarkan bermula jam 6.00 pagi hingga jam 8.00 malam setiap hari dengan had kapasiti seorang penumpang sahaja kecuali tujuan perubatan atau kecemasan dengan had maksimum dua orang penumpang.

C SOP BAGI TUJUH PKPD DI SABAH

- i SOP Perintah Kawalan Pergerakan Diperketatkan (PKPD) di Grace Villa Condo, Sembulan, Kota Kinabalu adalah seperti di **LAMPIRAN A**.
- ii SOP Perintah Kawalan Pergerakan Diperketatkan (PKPD) di Kg Nelayan, Batu 10, Sandakan adalah seperti di **LAMPIRAN B**.
- iii SOP Perintah Kawalan Pergerakan Diperketatkan (PKPD) di PPRT Kg Pasir Putih, Putatan adalah seperti di **LAMPIRAN C**.
- iv SOP Perintah Kawalan Pergerakan Diperketatkan (PKPD) di Fasa 1 Dan Fasa 2, Taman Digot, Penampang adalah seperti di **LAMPIRAN D**.
- v SOP Perintah Kawalan Pergerakan Diperketatkan (PKPD) di Kg Rancangan Silabukan Peringkat 4, Lahad Datu adalah seperti di **LAMPIRAN E**.
- vi SOP Perintah Kawalan Pergerakan Diperketatkan (PKPD) di Kg Gusi Kinarut, Papar adalah seperti di **LAMPIRAN F**.
- vii SOP Perintah Kawalan Pergerakan Diperketatkan (PKPD) di Kg Perpaduan, Pulau Banggi, Kudat adalah seperti di **LAMPIRAN G**.

D PKPD 2 LOKALITI DI KUNAK

- 1 Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) hari ini melaporkan situasi semasa kes COVID-19 di dua (2) lokaliti di Kunak yang melibatkan:
- Kampung Pangi Hujung
 - Kampung JKR Lama
- 2 Sehingga kini, KKM telah melakukan 16 ujian saringan di Kampung Pangi Hujung dan 11 kes direkodkan manakala di Kampung JKR Lama, sebanyak 15 kes dikesan hasil daripada 42 saringan di lokaliti tersebut.

- 3 Setelah membuat penilaian risiko bersama pelbagai agensi dalam Jawatankuasa Teknikal PKP dan atas nasihat KKM, **Kerajaan Negeri bersetuju melaksanakan Perintah Kawalan Pergerakan Diperketatkan (PKPD) di dua lokaliti di Kunak seperti dinyatakan berkuat kuasa pada 24 Jun sehingga 07 Julai 2021 selaras dengan keputusan Kerajaan Persekutuan.**
- 4 Pelaksanaan PKPD ini untuk menyekat pergerakan dan penularan jangkitan dari kawasan berisiko keluar dari lokaliti tersebut.

E PELANJUTAN PKPD KAMPUNG KEBAYAU, KOTA BELUD

- 1 Kerajaan sebelum ini telah melaksanakan Perintah Kawalan Pergerakan Diperketatkan (PKPD) di Kampung Kebayau, Kota Belud yang dijadualkan tamat pada 23 Jun 2021.
- 2 Sehingga kini, Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) telah melakukan 200 ujian saringan dan 22 daripadanya disahkan positif COVID-19.
- 3 KKM juga mendapati penularan masih berlaku dalam komuniti serta terdapat kes baharu di rekodkan di lokaliti tersebut.
- 4 Setelah membuat penilaian risiko bersama pelbagai agensi dalam Jawatankuasa Teknikal PKP dan atas nasihat KKM, **Kerajaan Negeri bersetuju melanjutkan PKPD di Kampung Kebayau, Kota Belud bermula 24 Jun sehingga 07 Julai 2021 selaras dengan keputusan Kerajaan Persekutuan.**

F PENAMATAN PKPD 2 LOKALITI DI SANDAKAN

- 1 Kerajaan sebelum ini telah melaksanakan Perintah Kawalan Pergerakan Diperketatkan (PKPD) di dua (2) lokaliti di Sandakan yang dijadualkan tamat pada 23 Jun 2021.

Kedua-dua lokaliti tersebut ialah:

 - Kampung Sungai Obar, Batu 7
 - Fasa 9B Taman Indah Jaya
- 2 Sehingga kini, Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) telah melakukan 326 ujian saringan dan 52 daripadanya disahkan positif COVID-19.

- 3 KKM juga mengesahkan trend kes telah menurun, kluster terkawal manakala semua kes positif telah menerima rawatan.
- 4 Setelah membuat penilaian risiko bersama pelbagai agensi dalam Jawatankuasa Teknikal PKP dan atas nasihat KKM, Kerajaan Negeri bersetuju menamatkan PKPD di dua lokaliti seperti dinyatakan pada 23 Jun 2021, seperti yang dijadualkan selaras dengan keputusan Kerajaan Persekutuan.

G PENAMATAN PKPD 2 LOKALITI DI KUDAT

- 1 Kerajaan sebelum ini telah melaksanakan Perintah Kawalan Pergerakan Diperketatkan (PKPD) di dua (2) lokaliti di Kudat yang dijadualkan tamat pada 24 Jun 2021.

Kedua-dua lokaliti itu ialah:

 - Kampung Sin San
 - Kampung Singgahmata, Pulau Banggi
- 2 Sehingga kini, Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) telah melakukan 82 ujian saringan dan 17 daripadanya dilaporkan positif COVID-19.
- 3 KKM juga mengesahkan berlaku penurunan kes dan kluster adalah terkawal manakala semua kes positif telah menerima rawatan.
- 4 Setelah membuat penilaian risiko bersama pelbagai agensi dalam Jawatankuasa Teknikal PKP dan atas nasihat KKM, Kerajaan Negeri bersetuju menamatkan PKPD di dua lokaliti seperti dinyatakan pada 23 Jun 2021, lebih awal daripada yang dijadualkan selaras dengan keputusan Kerajaan Persekutuan.

H PENAMATAN PKPD TAMAN PERDANA, LAHAD DATU

- 1 Kerajaan sebelum ini telah melaksanakan Perintah Kawalan Pergerakan Diperketatkan (PKPD) di Taman Perdana, Lahad Datu yang dijadualkan tamat pada 22 Jun 2021.
- 2 Sepanjang tempoh itu, Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) telah melakukan 218 ujian saringan dan 21 daripadanya dilaporkan positif COVID-19.

- 3 KKM juga mengesahkan berlaku penurunan kes dan kluster adalah terkawal manakala semua kes positif telah menerima rawatan.
- 4 Setelah membuat penilaian risiko bersama pelbagai agensi dalam Jawatankuasa Teknikal PKP dan atas nasihat KKM, Kerajaan Negeri bersetuju menamatkan PKPD di Taman Perdana, Lahad Datu pada 22 Jun 2021 (11.59 malam), seperti yang dijadualkan selaras dengan keputusan Kerajaan Persekutuan.

I STATISTIK VAKSINASI NEGERI SABAH

- 1 Setakat hari ini, **168** suntikan baharu dibuat bagi Fasa 1 Dos 1 Program Imunisasi COVID-19 Kebangsaan (PICK) menjadikan jumlah kumulatif sebanyak **62,890** orang.
- 2 Bagi Fasa 1 Dos 2 pula, **satu (1)** suntikan baharu dibuat pada hari ini menjadikan jumlah kumulatif sebanyak **53,531** orang.
- 3 Manakala, bagi Fasa 2 Dos 1 PICK, **9,072** suntikan baharu dibuat menjadikan jumlah kumulatif sebanyak **270,889** orang.
- 4 Bagi Dos 2 Fasa 2, **749** suntikan baharu harian dibuat menjadikan jumlah kumulatif sebanyak **75,057** orang.
- 5 Pendaftaran penerima vaksin pada hari ini ialah 14,080 menjadikan jumlah kumulatif yang mendaftar sebanyak 818,931 (mysejahtera 749,369 : laman web 69,308 : talian vaksinasi 254) bersamaan 29.7%

J BANTUAN BAKUL MAKANAN (*FOOD BASKET*)

Setakat hari ini, sejumlah **60,088** bakul makanan telah diagihkan kepada golongan yang terkesan di bawah Program Bantuan Prihatin COVID-19 3.0.

**K LAPORAN SEKATAN JALAN RAYA (SJR), PENGUATKUASAAN PERAIRAN SABAH,
PBT, SANITASI DAN HEBAHAN AWAM *INFO ON WHEELS***

- 1 Sejumlah 151 SJR dilaksana dalam tempoh 24 jam, melibatkan pemeriksaan 67,349 buah kenderaan. Daripada jumlah tersebut, 775 buah kenderaan diarah berpatah balik. Pada hari ini, PDRM melaksanakan 73 hebahan melalui kereta peronda dan tiada tangkapan dibuat.
- 2 Sebanyak 92 kompaun melanggar SOP COVID-19 telah dikeluarkan seluruh Sabah.
 - 21 orang : Tidak Memakai Pelitup Muka/Tidak Memakai Pelitup Separuh Muka Dengan Betul.
 - Satu (1) orang : Aktiviti Terlarang
 - 20 orang : Keluar Rumah Tanpa Alasan Munasabah
 - 11 orang : Membawa Penumpang Berlebihan
 - Sembilan (9) orang : Individu Gagal Mendaftar Masuk Premis
 - 30 orang : Individu Gagal Menjaga Penjarakan Sosial
- 3 Penguatkuasaan SOP turut dijalankan di perairan laut Sabah oleh Pasukan Polis Marin dan Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia (APMM) melibatkan 113 pemeriksaan di kawasan Pantai Timur dan 24 pemeriksaan di perairan Kota Kinabalu dan Labuan. Hasil pemeriksaan, tiada tangkapan dibuat.
- 4 Laporan Kompaun Pihak Berkuasa Tempatan
 - i Sebanyak 1,354 premis perniagaan telah diperiksa oleh Pihak Berkuasa Tempatan di bawah kawalan Kementerian Kerajaan Tempatan dan Perumahan.
 - ii Satu (1) kompaun dikeluarkan atas kesalahan individu gagal mendaftar masuk ke premis sama ada menggunakan aplikasi MySejahtera atau buku pendaftaran. Kompaun dikeluarkan di daerah Pitas.
 - iii Sebanyak tujuh (7) Notis dikeluarkan iaitu dua (2) di daerah Pitas, satu (1) di daerah Tuaran, satu (1) di daerah Tawau, satu (1) di daerah Sandakan dan dua (2) di daerah Kuala Penyu.

- vi Dewan Bandaraya Kota Kinabalu (DBKK) telah menjalankan penguatkuasaan pematuhan SOP ke atas 73 premis perniagaan dan 115 individu di 18 kawasan. Tiada kompaun dikenakan ke atas individu dan premis. 90 anggota Penguinkuasa menerima vaksin dos pertama di Wisma Wanita.
- 5 Rondaan Agen Basmi COVID-19 (ABC-19) dan Rondaan Pemantauan Pematuhan SOP Peringkat Komuniti oleh Angkatan Pertahanan Awam Malaysia (APM) telah dilaksanakan di 188 Premis Perniagaan melibatkan 184 anggota APM. Sebanyak 99 Notis Amaran dikeluarkan yang dikeluarkan kepada Premis perniagaan yang tidak mengikuti SOP
- 6 Sementara, rondaan sama oleh Jabatan Sukarelawan Malaysia (RELA) dilaksanakan melibatkan 77 anggota di 100 lokasi.
- 7 Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (JBPM) Sabah telah melaksanakan sanitasi awam di enam (6) premis, melibatkan lima (5) buah daerah pada hari ini.
- 8 Sejumlah 383 hebahan awam dibawah program *Info On Wheels* Jabatan Penerangan Malaysia Sabah dilaksanakan di 15 daerah pada hari ini.
- 9 Hebahan umum turut dilaksanakan oleh Unit Promosi Kesihatan Jabatan Kesihatan Negeri Sabah sebanyak 127 hebahan di seluruh Sabah.

L KADAR PEMATUHAN PENDUDUK TERHADAP SOP PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN (PKP) 3.0

- 1 Kadar pematuhan penduduk terhadap SOP PKP 3.0 pada hari ini ialah **94.2%**. Pecahan mengikut daerah adalah seperti berikut:

BIL	DAERAH	PERATUS
1	Beluran	95%
2	Sipitang	95%
3	Kota Marudu	95%
4	Kinabatangan	94.5%
5	Ranau	94.5%
6	Tuaran	94.5%
7	Kota Kinabalu	94.5%
8	Semporna	94%
9	Tenom	94%
10	Beaufort	94%
11	Tawau	94%
12	Sandakan	94%
13	Kota Belud	94%
14	Keningau	94%
15	Penampang	94%
16	Kudat	94%
17	Papar	94%
18	Lahad Datu	94%
19	Kunak	93.5%

- 2 Pelan Pemulihan Negara merupakan panduan bagi setiap rakyat untuk bersama berusaha keluar dari kemelut pandemik COVID-19.

Sekian.

#MenangBersama

#LindungDiriLindungSemua

**YB MENTERI KERAJAAN TEMPATAN DAN PERUMAHAN
DAN
MENTERI KEWANGAN II**

LAMPIRAN A



Dikemaskini pada 19 Jun 2021

Aktiviti dibenarkan <ul style="list-style-type: none"> Mendapatkan bekalan makanan. Mendapatkan rawatan kesihatan. Aktiviti tidak dibenarkan <ul style="list-style-type: none"> Pergerakan keluar penduduk dari kawasan PKPD kecuali dengan kebenaran PDRM & urusan/ aktiviti dibenarkan. Pergerakan masuk penduduk dari luar kawasan PKPD kecuali dengan kebenaran PDRM & urusan/ aktiviti dibenarkan. Arahan tetap <ul style="list-style-type: none"> Subseksyen 11 (3) Akta 342 Tertakluk kepada ketetapan yang dikeluarkan oleh MKN dan KKM. Arahan, peraturan dan SOP di bawah Kementerian / Jabatan / Agensi / PBT. Lain-lain arahan dari semasa ke semasa yang dikeluarkan oleh Ketua Pengarah Kesihatan. 	Waktu Berkuatkuasa 24 Jam Waktu Aktiviti Dibenarkan Seperti ketetapan dalam penerangan ringkas AKTIVITI DAN PROTOCOL <table border="1" style="width: 100%; border-collapse: collapse;"> <thead> <tr> <th style="background-color: #e67e22; color: white;">Tindakan</th><th style="background-color: #e67e22; color: white;">Penerangan Ringkas</th></tr> </thead> <tbody> <tr> <td>Kawasan yang Terlibat</td><td> <ul style="list-style-type: none"> Seluruh Kawasan Grace Villa Condo, Sembulan, Kota Kinabalu, Sabah. </td></tr> <tr> <td>Tempoh Berkuatkuasa</td><td> <ul style="list-style-type: none"> 20 Jun 2021 (mulai 12.00 pagi) sehingga 3 Julai 2021 (11.59 malam) </td></tr> <tr> <td>Kawalan Pergerakan</td><td> <ul style="list-style-type: none"> PDRM bertanggungjawab melaksanakan kawalan ke atas kawasan tempatan jangkitan dengan bantuan ATM, APMM, APM & RELA. Semua laluan keluar masuk kawasan PKPD ditutup. </td></tr> </tbody> </table>	Tindakan	Penerangan Ringkas	Kawasan yang Terlibat	<ul style="list-style-type: none"> Seluruh Kawasan Grace Villa Condo, Sembulan, Kota Kinabalu, Sabah. 	Tempoh Berkuatkuasa	<ul style="list-style-type: none"> 20 Jun 2021 (mulai 12.00 pagi) sehingga 3 Julai 2021 (11.59 malam) 	Kawalan Pergerakan	<ul style="list-style-type: none"> PDRM bertanggungjawab melaksanakan kawalan ke atas kawasan tempatan jangkitan dengan bantuan ATM, APMM, APM & RELA. Semua laluan keluar masuk kawasan PKPD ditutup. 	Pergerakan Penduduk Dibenarkan dengan bersyarat
Tindakan	Penerangan Ringkas									
Kawasan yang Terlibat	<ul style="list-style-type: none"> Seluruh Kawasan Grace Villa Condo, Sembulan, Kota Kinabalu, Sabah. 									
Tempoh Berkuatkuasa	<ul style="list-style-type: none"> 20 Jun 2021 (mulai 12.00 pagi) sehingga 3 Julai 2021 (11.59 malam) 									
Kawalan Pergerakan	<ul style="list-style-type: none"> PDRM bertanggungjawab melaksanakan kawalan ke atas kawasan tempatan jangkitan dengan bantuan ATM, APMM, APM & RELA. Semua laluan keluar masuk kawasan PKPD ditutup. 									

1

 Aktiviti dibenarkan <ul style="list-style-type: none"> Mendapatkan bekalan makanan. Mendapatkan rawatan kesihatan. Aktiviti tidak dibenarkan <ul style="list-style-type: none"> Pergerakan keluar penduduk dari kawasan PKPD kecuali dengan kebenaran PDRM & urusan/ aktiviti dibenarkan. Pergerakan masuk penduduk dari luar kawasan PKPD kecuali dengan kebenaran PDRM & urusan/ aktiviti dibenarkan. Arahan tetap <ul style="list-style-type: none"> Subseksyen 11 (3) Akta 342 Tertakluk kepada ketetapan yang dikeluarkan oleh MKN dan KKM. Arahan, peraturan dan SOP di bawah Kementerian / Jabatan / Agensi / PBT. Lain-lain arahan dari semasa ke semasa yang dikeluarkan oleh Ketua Pengarah Kesihatan. 	Waktu Berkuatkuasa 24 Jam Waktu Aktiviti Dibenarkan Seperti ketetapan dalam penerangan ringkas AKTIVITI DAN PROTOCOL <table border="1" style="width: 100%; border-collapse: collapse;"> <thead> <tr> <th style="background-color: #e67e22; color: white;">Tindakan</th><th style="background-color: #e67e22; color: white;">Penerangan Ringkas</th></tr> </thead> <tbody> <tr> <td>Aktiviti di dalam Kawasan PKPD</td><td> <ul style="list-style-type: none"> Sebauh penduduk di kawasan terlibat tidak dibenarkan keluar daripada rumah / kediaman masing-masing. Kebenaran untuk bekerja hanya bagi perkhidmatan perlu (<i>essential services</i>) sahaja dan menjalankan tugas rasmi Kerajaan dengan surat pengesahan daripada majikan atau pas pekerja yang sah serta mendapat kelulusan dari PDRM. Pengecualian hanya diberikan kepada seorang (1) wakil dari setiap rumah/kediaman untuk membeli barang keperluan di kedai runcit dalam kawasan PKPD. Sebauh sektor ekonomi tidak dibenarkan beroperasi kecuali: <table border="1" style="margin-left: auto; margin-right: auto;"> <thead> <tr> <th style="background-color: #e67e22; color: white;">Bil.</th><th style="background-color: #e67e22; color: white;">Premis Perniagaan</th><th style="background-color: #e67e22; color: white;">Masa Beroperasi</th></tr> </thead> <tbody> <tr> <td>1.</td><td>Kedai Runcit / Mini Market</td><td>6.00 pagi hingga 6.00 petang</td></tr> <tr> <td>2.</td><td>Pasar / Pasar bergerak</td><td>6.00 pagi hingga 2.00 petang Dua (2) kali seminggu sahaja</td></tr> </tbody> </table> </td></tr> </tbody> </table>	Tindakan	Penerangan Ringkas	Aktiviti di dalam Kawasan PKPD	<ul style="list-style-type: none"> Sebauh penduduk di kawasan terlibat tidak dibenarkan keluar daripada rumah / kediaman masing-masing. Kebenaran untuk bekerja hanya bagi perkhidmatan perlu (<i>essential services</i>) sahaja dan menjalankan tugas rasmi Kerajaan dengan surat pengesahan daripada majikan atau pas pekerja yang sah serta mendapat kelulusan dari PDRM. Pengecualian hanya diberikan kepada seorang (1) wakil dari setiap rumah/kediaman untuk membeli barang keperluan di kedai runcit dalam kawasan PKPD. Sebauh sektor ekonomi tidak dibenarkan beroperasi kecuali: <table border="1" style="margin-left: auto; margin-right: auto;"> <thead> <tr> <th style="background-color: #e67e22; color: white;">Bil.</th><th style="background-color: #e67e22; color: white;">Premis Perniagaan</th><th style="background-color: #e67e22; color: white;">Masa Beroperasi</th></tr> </thead> <tbody> <tr> <td>1.</td><td>Kedai Runcit / Mini Market</td><td>6.00 pagi hingga 6.00 petang</td></tr> <tr> <td>2.</td><td>Pasar / Pasar bergerak</td><td>6.00 pagi hingga 2.00 petang Dua (2) kali seminggu sahaja</td></tr> </tbody> </table>	Bil.	Premis Perniagaan	Masa Beroperasi	1.	Kedai Runcit / Mini Market	6.00 pagi hingga 6.00 petang	2.	Pasar / Pasar bergerak	6.00 pagi hingga 2.00 petang Dua (2) kali seminggu sahaja	Pergerakan Penduduk Dibenarkan dengan bersyarat
Tindakan	Penerangan Ringkas														
Aktiviti di dalam Kawasan PKPD	<ul style="list-style-type: none"> Sebauh penduduk di kawasan terlibat tidak dibenarkan keluar daripada rumah / kediaman masing-masing. Kebenaran untuk bekerja hanya bagi perkhidmatan perlu (<i>essential services</i>) sahaja dan menjalankan tugas rasmi Kerajaan dengan surat pengesahan daripada majikan atau pas pekerja yang sah serta mendapat kelulusan dari PDRM. Pengecualian hanya diberikan kepada seorang (1) wakil dari setiap rumah/kediaman untuk membeli barang keperluan di kedai runcit dalam kawasan PKPD. Sebauh sektor ekonomi tidak dibenarkan beroperasi kecuali: <table border="1" style="margin-left: auto; margin-right: auto;"> <thead> <tr> <th style="background-color: #e67e22; color: white;">Bil.</th><th style="background-color: #e67e22; color: white;">Premis Perniagaan</th><th style="background-color: #e67e22; color: white;">Masa Beroperasi</th></tr> </thead> <tbody> <tr> <td>1.</td><td>Kedai Runcit / Mini Market</td><td>6.00 pagi hingga 6.00 petang</td></tr> <tr> <td>2.</td><td>Pasar / Pasar bergerak</td><td>6.00 pagi hingga 2.00 petang Dua (2) kali seminggu sahaja</td></tr> </tbody> </table>	Bil.	Premis Perniagaan	Masa Beroperasi	1.	Kedai Runcit / Mini Market	6.00 pagi hingga 6.00 petang	2.	Pasar / Pasar bergerak	6.00 pagi hingga 2.00 petang Dua (2) kali seminggu sahaja					
Bil.	Premis Perniagaan	Masa Beroperasi													
1.	Kedai Runcit / Mini Market	6.00 pagi hingga 6.00 petang													
2.	Pasar / Pasar bergerak	6.00 pagi hingga 2.00 petang Dua (2) kali seminggu sahaja													

*Tertakluk kepada arahan semasa Jawatankuasa Pengurusan Bencana Daerah

2



**SOP PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN DIPERKETATKAN
(PKPD) DI GRACE VILLA CONDO, SEMBULAN, KOTA KINABALU,
SABAH**

Aktiviti dibenarkan

- Mendapatkan bekalan makanan.
- Mendapatkan rawatan kesihatan.

Aktiviti tidak dibenarkan

- Pergerakan keluar penduduk dari kawasan PKPD kecuali dengan kebenaran PDRM & urusan/ aktiviti dibenarkan.
- Pergerakan masuk penduduk dari luar kawasan PKPD kecuali dengan kebenaran PDRM & urusan/ aktiviti dibenarkan.

Arahan tetap

- Subseksyen 11 (3) Akta 342
- Tertakluk kepada ketetapan yang dikeluarkan oleh MKN dan KKM.
- Arahan, peraturan dan SOP di bawah Kementerian / Jabatan / Agensi / PBT.
- Lain-lain arahan dari semasa ke semasa yang dikeluarkan oleh Ketua Pengarah Kesihatan.

Waktu Berkuatkuasa	24 Jam	Waktu Aktiviti Dibenarkan	Seperti ketetapan dalam penerangan ringkas	Pergerakan Penduduk	Dibenarkan dengan bersyarat
--------------------	--------	---------------------------	--	---------------------	-----------------------------

AKTIVITI DAN PROTOKOL

Tindakan	Penerangan Ringkas
Aktiviti di dalam Kawasan PKPD	<ul style="list-style-type: none"> • Pengecualian diberikan dengan kebenaran PDRM untuk seorang (1) wakil dari setiap rumah/kediaman untuk keluar dari kawasan PKPD khusus untuk tujuan: <ul style="list-style-type: none"> a) mengeluarkan duit dari mesin ATM / bank; dan b) membeli keperluan asas. • Kekerapan kebenaran keluar akan ditetapkan oleh Jawatankuasa Pengurusan Bencana Daerah bersama PDRM. • Bagi kes kecemasan seperti sakit dan kematian, penduduk dibenarkan untuk keluar zon tetapi perlu mendapatkan kebenaran daripada PDRM. • Jika berlaku kematian di rumah hendaklah dilaporkan di balai polis atau pejabat kesihatan berdekatan untuk dibawa ke kamar mayat hospital bagi tujuan pemeriksaan COVID-19, sekiranya positif maka urusan pengkubuman adalah mengikut ketetapan KKM atau JPBD. • Semua sekolah, masjid dan rumah ibadat lain ditutup sepanjang tempoh ini. • Aktiviti sosial, rekreasi dan budaya adalah tidak dibenarkan. • KKM akan melakukan saringan secara bersasar kepada semua penduduk yang terlibat. • Bantuan bekalan makanan kepada yang memerlukan akan ditentukan dan diagihkan oleh Kerajaan Negeri yang akan dikoordinasi oleh Pusat Kawalan Operasi Bencana Negeri.

LAMPIRAN B

Dikemaskini pada 20 Jun 2021



SOP PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN DIPERKETATKAN (PKPD) DI KG NELAYAN, BATU 10, SANDAKAN, SABAH

Aktiviti dibenarkan

- Mendapatkan bekalan makanan.
- Mendapatkan rawatan kesihatan.

Aktiviti tidak dibenarkan

- Pergerakan keluar penduduk dari kawasan PKPD kecuali dengan kebenaran PDRM & urusan/ aktiviti dibenarkan.
- Pergerakan masuk penduduk dari luar kawasan PKPD kecuali dengan kebenaran PDRM & urusan/ aktiviti dibenarkan.

Arahan tetap

- Subseksyen 11 (3) Akta 342
- Tertakluk kepada ketetapan yang dikeluarkan oleh MKN dan KKM.
- Arahan, peraturan dan SOP di bawah Kementerian / Jabatan / Agensi / PBT.
- Lain-lain arahan dari semasa ke semasa yang dikeluarkan oleh Ketua Pengaroh Kesihatan.

Waktu Berkuatkuasa	24 Jam	Waktu Aktiviti Dibenarkan	Seperti ketetapan dalam penerangan ringkas	Pergerakan Penduduk	Dibenarkan dengan bersyarat
--------------------	--------	---------------------------	--	---------------------	-----------------------------

AKTIVITI DAN PROTOKOL

Tindakan	Penerangan Ringkas
Kawasan yang Terlibat	<ul style="list-style-type: none">Seluruh Kawasan Kg Nelayan, Batu 10, Sandakan, Sabah.
Tempoh Berkuatkuasa	<ul style="list-style-type: none">21 Jun 2021 (mulai 12.00 pagi) sehingga 4 Julai 2021 (11.59 malam)
Kawalan Pergerakan	<ul style="list-style-type: none">PDRM bertanggungjawab melaksanakan kawalan ke atas kawasan tempatan jangkitan dengan bantuan ATM, APMM, APM & RELA.Semua laluan keluar masuk kawasan PKPD ditutup.

1

Dikemaskini pada 20 Jun 2021



SOP PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN DIPERKETATKAN (PKPD) DI KG NELAYAN, BATU 10, SANDAKAN, SABAH

Aktiviti dibenarkan

- Mendapatkan bekalan makanan.
- Mendapatkan rawatan kesihatan.

Aktiviti tidak dibenarkan

- Pergerakan keluar penduduk dari kawasan PKPD kecuali dengan kebenaran PDRM & urusan/ aktiviti dibenarkan.
- Pergerakan masuk penduduk dari luar kawasan PKPD kecuali dengan kebenaran PDRM & urusan/ aktiviti dibenarkan.

Arahan tetap

- Subseksyen 11 (3) Akta 342
- Tertakluk kepada ketetapan yang dikeluarkan oleh MKN dan KKM.
- Arahan, peraturan dan SOP di bawah Kementerian / Jabatan / Agensi / PBT.
- Lain-lain arahan dari semasa ke semasa yang dikeluarkan oleh Ketua Pengaroh Kesihatan.

Waktu Berkuatkuasa	24 Jam	Waktu Aktiviti Dibenarkan	Seperti ketetapan dalam penerangan ringkas	Pergerakan Penduduk	Dibenarkan dengan bersyarat
--------------------	--------	---------------------------	--	---------------------	-----------------------------

AKTIVITI DAN PROTOKOL

Tindakan	Penerangan Ringkas									
Aktiviti di dalam Kawasan PKPD	<ul style="list-style-type: none">Semua penduduk di kawasan terlibat tidak dibenarkan keluar daripada rumah / kediaman masing-masing. Kebenaran untuk bekerja hanya bagi perkhidmatan perlu (<i>essential services</i>) sahaja dan menjalankan tugas rasmi Kerajaan dengan surat pengesahan daripada majikan atau pas pekerja yang sah serta mendapat kelulusan dari PDRM.Pengecualian hanya diberikan kepada seorang (1) wakil dari setiap rumah/kediaman untuk membeli barang keperluan di kedai runcit dalam kawasan PKPD.Semua sektor ekonomi tidak dibenarkan beroperasi kecuali:									
<table border="1"><thead><tr><th>Bil.</th><th>Premis Perniagaan</th><th>Masa Beroperasi</th></tr></thead><tbody><tr><td>1.</td><td>Kedai Runcit / Mini Market</td><td>6.00 pagi hingga 6.00 petang</td></tr><tr><td>2.</td><td>Pasar / Pasar bergerak</td><td>6.00 pagi hingga 2.00 petang Dua (2) kali seminggu sahaja</td></tr></tbody></table>		Bil.	Premis Perniagaan	Masa Beroperasi	1.	Kedai Runcit / Mini Market	6.00 pagi hingga 6.00 petang	2.	Pasar / Pasar bergerak	6.00 pagi hingga 2.00 petang Dua (2) kali seminggu sahaja
Bil.	Premis Perniagaan	Masa Beroperasi								
1.	Kedai Runcit / Mini Market	6.00 pagi hingga 6.00 petang								
2.	Pasar / Pasar bergerak	6.00 pagi hingga 2.00 petang Dua (2) kali seminggu sahaja								
*Tertakluk kepada arahan semasa Jawatankuasa Pengurusan Bencana Daerah										

2



SOP PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN DIPERKETATKAN (PKPD) DI KG NELAYAN, BATU 10, SANDAKAN, SABAH

Dikemaskini pada 20 Jun 2021

Aktiviti dibenarkan

- Mendapatkan bekalan makanan.
- Mendapatkan rawatan kesihatan.

Aktiviti tidak dibenarkan

- Pergerakan keluar penduduk dari kawasan PKPD kecuali dengan kebenaran PDRM & urusan/ aktiviti dibenarkan.
- Pergerakan masuk penduduk dari luar kawasan PKPD kecuali dengan kebenaran PDRM & urusan/ aktiviti dibenarkan.

Arahan tetap

- Subseksyen 11 (3) Akta 342
- Tertakluk kepada ketetapan yang dikeluarkan oleh MKN dan KKM.
- Arahan, peraturan dan SOP di bawah Kementerian / Jabatan / Agensi / PBT.
- Lain-lain arahan dari semasa ke semasa yang dikeluarkan oleh Ketua Pengarah Kesihatan.

Waktu Berkuatkuasa	24 Jam	Waktu Aktiviti Dibenarkan	Seperti ketetapan dalam penerangan ringkas	Pergerakan Penduduk	Dibenarkan dengan bersyarat
AKTIVITI DAN PROTOKOL					
Tindakan	Penerangan Ringkas				
Aktiviti di dalam Kawasan PKPD	<ul style="list-style-type: none">Pengecualian diberikan dengan kebenaran PDRM untuk seorang (1) wakil dari setiap rumah/kediaman untuk keluar dari kawasan PKPD khusus untuk tujuan:<ul style="list-style-type: none">a) mengeluarkan duit dari mesin2 ATM / bank; danb) membeli keperluan asas.Kekerapan kebenaran keluar akan ditetapkan oleh Jawatankuasa Pengurusan Bencana Daerah bersama PDRM.Bagi kes kecemasan seperti sakit dan kematian, penduduk dibenarkan untuk keluar zon tetapi perlu mendapatkan kebenaran daripada PDRM.Jika berlaku kematian di rumah hendaklah dilaporkan di balai polis atau pejabat kesihatan berdekatan untuk dibawa ke kamar mayat hospital bagi tujuan pemeriksaan COVID-19, sekiranya positif maka urusan pengkubuman adalah mengikut ketetapan KKM atau JPBD.Semua sekolah, masjid dan rumah ibadat lain ditutup sepanjang tempoh ini.Aktiviti sosial, rekreasi dan budaya adalah tidak dibenarkan.KKM akan melakukan saringan secara bersasar kepada semua penduduk yang terlibat.Bantuan bekalan makanan kepada yang memerlukan akan ditentukan dan diagihkan oleh Kerajaan Negeri yang akan dikoordinasi oleh Pusat Kawalan Operasi Bencana Negeri.				

LAMPIRAN C

Dikemaskini pada 19 Jun 2021



Aktiviti dibenarkan

- Mendapatkan bekalan makanan.
- Mendapatkan rawatan kesihatan.

Aktiviti tidak dibenarkan

- Pergerakan keluar penduduk dari kawasan PKPD kecuali dengan kebenaran PDRM & urusan/ aktiviti dibenarkan.
- Pergerakan masuk penduduk dari luar kawasan PKPD kecuali dengan kebenaran PDRM & urusan/ aktiviti dibenarkan.

Arahan tetap

- Subseksyen 11 (3) Akta 342
- Tertakluk kepada ketetapan yang dikeluarkan oleh MKN dan KKM.
- Arahan, peraturan dan SOP di bawah Kementerian / Jabatan / Agensi / PBT.
- Lain-lain arahan dari semasa ke semasa yang dikeluarkan oleh Ketua Pengaruh Kesihatan.

Waktu Berkuatkuasa	24 Jam	Waktu Aktiviti Dibenarkan	Seperti ketetapan dalam penerangan ringkas
--------------------	--------	---------------------------	--


Pergerakan Penduduk	Dibenarkan dengan bersyarat
---------------------	-----------------------------

AKTIVITI DAN PROTOKOL

Tindakan	Penerangan Ringkas
Kawasan yang Terlibat	<ul style="list-style-type: none"> Seluruh Kawasan PPRT Kg Pasir Putih, Putatan, Sabah.
Tempoh Berkuatkuasa	<ul style="list-style-type: none"> 20 Jun 2021 (mulai 12.00 pagi) sehingga 3 Julai 2021 (11.59 malam)
